

BAB LIMA

HUKUM TASHI:L HAMZATṬ DALAM RIWAYAT WARSH

5.0 Pendahuluan

Fenomena ‘tashi:l’ hamzṭ atau menggugurkannya adalah antara fenomena fonetik yang menarik perhatian para pemerhati dan pengkaji mengenai riwayat Warsh.

Ia berpandukan kepada peraturan dan disiplin fonologi yang tetap dan mendalam berdasarkan kepada kedudukan huruf hamzṭ di dalam satu-satu perkataan, huruf yang sebelum dan selepasnya.

Huruf hamzṭ didapati dalam dua keadaan, iaitu berbaris ataupun tidak berbaris (suku:n). Adapun hamzṭ yang berbaris, ia datang sama ada diikuti oleh hamzṭ yang lain atau tidak. Manakala dua keadaan yang terdapat dua hamzṭ, iaitu dalam satu perkataan dan dalam dua perkataan.

Menurut Ibtihāl Ka:ḥid (2005) agak sukar untuk menjelaskan sebutan bacaan secara tashi;l. Ianya hanya akan dikuasai dengan belajar langsung daripada guru.

5.1 Definisi Tashi:l

Tashi:l adalah satu fenomena fonetik yang jarang dikaji secara mendalam oleh pengkaji. Ianya mempunyai pelbagai takrifan atau definisi yang digariskan oleh para ahli bahasa Arab ataupun qira:'a:t al-Qur'a:n. Kajian ini akan memperincikan takrifan sama ada dari segi bahasa ataupun istilah yang membantu memahami tashi:l secara mendalam.

5.1.1 Dari Segi Bahasa

Berdasarkan *al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasiyy* (1988) perkataan tashi:l adalah berasal dari akar kata : سَهَّلَ - يَسْهِّلُ - سُهُولَةً yang membawa makna mudah, senang atau lawan kepada susah atau sukar.

Contohnya : سَهَّلَ التَّعَامُلُ مَعَهُ بَعْدَ أَنْ اِزْدَادَتْ مَعْرِفَتُنَا بِهِ.

Maksudnya : *Menjadi mudah berurusan dengannya setelah kita lebih mengenalinya.*

Seterusnya, makna tersebut ditransitifkan lagi kepada : سَهَّلَ - يُسَهِّلُ -

تَسْهِيلاً yang bererti mempermudah.

Contohnya : سَهَّلَ الشَّيْءَ

Maksudnya : *Dia telah mempermudah perkara tersebut.*

Manakala perkataan '*tashi:l*' (تَسْهِيلٌ) adalah kata masdar daripada akar kata '*sahhala*' (سَهَّلَ) sebagaimana penjelasan di atas.

5.1.2 Dari Segi Istilah

Tashi:l hamzat berdasarkan *al-mu`jam al-arabi al-asa:siyy* memberikan maksud : Menukarkan (*ibda:l*) hamzat kepada baris yang sama dengan huruf yang sebelumnya.

Menurut Ibra:hi:m Ani:s (1973 : 75) huruf hamzat adalah dialek yang terdapat beberapa kelebihan atau keistimewaan terutamanya kepada puak Tami:m. Mereka menukar, meringan, memindah atau menggugurkan hamzat yang tidak berbaris kepada huruf mad dan menghasilkan bunyi yang lembut.

Mu`ammad Sa:lim Muhaysi:n (1985) mendefinisikan tashi:l sebagai : Perubahan semata-mata yang meliputi tashi:l pertengahan (*tashi:l bayn-bayn*), tashi:l secara pengguguran (*Íadf*), tashi:l secara penukaran (*ibda:l*) dan tashi:l secara pemindahan (*naql*).

Manakala mengikut Muġammad al-Ibra:hi:miyy (1990) tashi:l hamzaṭ sama dengan makna talyi:n (تَلْيِينٌ) yang bermaksud melembutkan atau memudahkan.

Mengikut Abdul Malik Yamint (1995) definisi tashi:l ialah : Memudahkan bacaan hamzaṭ yang dua beriringan, tetapi yang boleh ditashi:lkan itu hanyalah yang kedua sahaja daripada hamzaṭ tersebut.

Manakala Ibn al-Jazriyy (2002) menyatakan bahawa tashi:l ialah pindah hamzaṭ kepada huruf berbaris mati (suku:n) yang sebelumnya.

Menurutnya lagi tashi:l bukanlah sama dengan sebutan huruf ha:’ semata-mata. Malah, tidak tepat kalau hanya terus menukarkan hamzaṭ kepada ha:’. Cara terbaik ialah dengan membacanya antara huruf ha:’ dan huruf alif, iaitu dengan meringankan sebutan hamzaṭ.

5.2 Faktor-faktor Tashi:l

Menurut Ibtih:l Ka:Īid (2005 : 80) Si:bawayh, Faraa:’ dan Akhflash telah menjelaskan banyak sebab dan faktor yang telah mendorong kepada berlakunya tashi:l. Ianya dinyatakan seperti berikut :

- i) Penggunaan yang banyak atau kerap di kalangan orang Arab.
- ii) Supaya tidak berlaku kekeliruan antara perkataan tertentu.
- iii) Ciri-ciri yang terdapat di kalangan kabilah Arab itu sendiri iaitu :
 - a. Masyarakat di Najd khususnya puak Tami:m mengekalkan hamzaṭ.
 - b. Masyarakat Hija:z dan bahasa Quraish banyak menggunakan tashi:l hamzaṭ.
- iv) Mengelakkan kesukaran sebutan. Para ahli qira:'a:t khususnya menganggap sebutan hamzaṭ lebih sukar atau berat berbanding mentashi:lkannya. Masyarakat Arab juga menganggap sebutan hamzaṭ adalah berat.
- v) Menjaga keselarasan dalam sebutan. Khususnya pada beberapa tempat yang tertentu di dalam al-Qur'a:n al-Kari:m.

5.3 Bahagian-Bahagian Tashi:l

Menurut Muġammad al-Ibra:hi:miyy (1990 : 189) hukum bacaan tashi:l hamzaṭ mengikut Īari:q al-Azraq terbahagi kepada empat bahagian :

- i. Tashi:l Secara Pemindahan (al-tashi:l bi al-naql)
- ii. Tashi:l secara Pengguguran (al-tashi:l bi al-hadhf)

- iii. Tashi:l Secara Penukaran (al-tashi:l bi al-ibda:l)
- iv. Tashi:l Secara Pertengahan (al-tashi:l bayn-bayn)

Berikut adalah perbincangan setiap bahagian yang tersebut.

5.3.1 Tashi:l Secara Pemindahan

Maksudnya ialah : Menggugurkan huruf hamzat (membuangnya dari segi lafaz) selepas memindahkan barisnya kepada huruf konsonan yang berbaris mati (suku:n) sebelumnya yang terpisah daripadanya ataupun kepada alif dan la:m.

Contohnya :

خَلَوْا إِلَى	Ditulis dan dibaca seperti berikut :	خَلَوْا الِى
لِيُرَوْا أَعْمَلَهُمْ	Ditulis dan dibaca seperti berikut :	لِيُرَوْا اَعْمَلَهُمْ
ذَوَاتِي أَكُلِّ	Ditulis dan dibaca seperti berikut :	ذَوَاتِيْ اَكُلِّ

Jadual 5.1 Contoh Tashil Secara Pemindahan

Asal	Tulisan	Bacaan
قُلْ إِي ...	قُلْ إِي	قُلِّي
مَنْ أُوتِي	مَنْ أُوتِي	مُنُوتِي
وَلَقَدْ آتَيْنَاكَ	وَلَقَدْ . آتَيْنَاكَ	وَلَقَدْ آتَيْنَاكَ
بِسَلَامٍ ءَامِنِينَ	بِسَلَامٍ ءَامِنِينَ	بِسَلَامٍ مِّنْ أَمِينِينَ
إِلَىٰ قَوْمٍ أُولِي ...	إِلَىٰ قَوْمٍ أُولِي ...	إِلَىٰ قَوْمِنُلِي ...
هَلُوعًا إِذَا ...	هَلُوعًا إِذَا ...	هَلُوعِنْدًا ...
حَامِيَةً أَلْهَاكُمْ	حَامِيَةً أَلْهَاكُمْ	حَامِيَتُنَلْهَاكُمْ
كُفُّوا أَحَدٌ	كُفُّوا أَحَدٌ	كُفُّوا نَحْدٌ
الْأَرْفَةَ	الْأَرْفَةَ	الْأَرْفَةَ
الْآخِرُ	الْآخِرُ	الْآخِرُ
الْأُولَىٰ	الْأُولَىٰ	الْأُولَىٰ

Asal	Tulisan	Bacaan
الْإِنْسَانُ	الْإِنْسَانُ	الْإِنْسَانُ
الْأَرْضُ	الْأَرْضُ	الْأَرْضُ
وَالْأَنْثَى	وَالْأَنْثَى	وَالْأَنْثَى
الْإِيمَانُ	الْإِيمَانُ	الْإِيمَانُ

Diperhatikan bahawa pada lajur yang kedua (tulisan) daripada contoh-contoh di atas satu garisan yang dinamakan jarrat ditulis pada huruf hamzat yang telah digugurkan dan barisnya telah dipindahkan kepada baris mati sebelumnya. Tanda jarrat ini menjelaskan tempat hamzat sebelum digugurkan dan juga barisnya. Ia juga menunjukkan bahawa wajib menyebutnya apabila bermula dengannya kerana sebab pemindahan telah gugur dengan sebab berhenti (waqf) pada huruf sebelumnya.

Manakala apabila keadaan disambung bacaan (wa'îl) antara perkataan sebelum hamzat yang telah digugurkan dengan perkataan selepasnya. Tanda jarrat menunjukkan bahawa huruf yang berbaris mati sebelum digugurkan hamzat telah

dibariskan dengan barisnya. Sama ada dengan fatálat, Ìammaṭ atau kasraṭ. Perhatikannya pada lajur ke-2 dan ke-3.

Perhatikan pada contoh-contoh berikut :

الآخِر - الْإِنْسَان - الْأُولَى

bahawa jarrat menunjukkan kedudukan hamzat yang tidak ditulis kerana tidak harus berhenti (waqf) pada "ال" dan tidak harus dimulakan dengan yang selepasnya. Maka, tidak perlu kepada jarrat.

5.3.2 Tashi:l secara Pengguguran

Digugurkan hamzat waíl yang didahului oleh hamzat istifha:m yang terdapat pada kata kerja. Mengikut Ìari:q al-Azraq terdapat tujuh kata kerja sebagaimana jadual berikut :

Jadual 5.2 Contoh Tashil Secara Pengguguran

Asal	Tulisan	Bacaan
قُلْ أَتَّخَذْتُمْ	قُلْ أَتَّخَذْتُمْ	قُلْتَحَذْتُمْ
وَوَلَدًا أَطَّلَعُ	وَوَلَدًا أَطَّلَعُ	وَوَلَدَنَطَّلَعُ
جَدِيدٍ أَفْتَرَى	جَدِيدٍ أَفْتَرَى	جَدِيدِنَفْتَرَى
أَصْطَفَى	أَصْطَفَى	أَصْطَفَى
أَتَّخَذْنَهُمْ	أَتَّخَذْنَهُمْ	أَتَّخَذْنَاَهُمْ
أَسْتَكْبَرْتُ	أَسْتَكْبَرْتُ	أَسْتَكْبَرْتُ
أَسْتَعْفَرْتُ	أَسْتَعْفَرْتُ	أَسْتَعْفَرْتُ

Didapati bahawa sesetengah hamzat istifha:m berlaku padanya pengguguran selepas dibawakan barisnya kepada huruf yang sebelumnya berdasarkan peraturan pemindahan.

5.3.3 Tashi:l Secara Penukaran

Hamzaṭ berbaris mati ditukarkan kepada huruf mad berdasarkan baris huruf sebelum hamzaṭ tersebut sekiranya hamzaṭ tersebut terletak di awal kata atau di tempat kedua, sama ada dalam satu perkataan atau dua perkataan.

Jadual 5.3 Contoh Tashi:l Secara Penukaran

(hamzaṭ pada satu perkataan)

Asal	Tulisan	Bacaan
يُؤْمِنُونَ	يُؤْمِنُونَ	يُؤْمِنُونَ
يَأْتِي	يَأْتِي	يَأْتِي
ءَأْمَنَ	ءَأْمَنَ	ءَأْمَنَ
أُوتِيَ	أُوتِيَ	أُوتِيَ
بِإِيمَانٍ	بِإِيمَانٍ	بِإِيمَانٍ
وَأَمْرٍ	وَأَمْرٍ	وَأَمْرٍ
أَوْتُنَّ	أ.وَتُنَّ	أ.وَتُنَّ

Jadual 5.4 Contoh Tashii:1 Secara Penukaran

(hamza dalam dua perkataan)

Asal	Tulisan	Bacaan
قُلْ ءَآللهٖ ...	قُلْ آلله ...	قُلْآلله ...
قُلْ ءَآلذَّكُرَيْنِ	قُلْ آلذَّكُرَيْنِ	قُلْآلذَّكُرَيْنِ
ءَآءَآلَآنَ	ءَآلنَ	ءَآلانَ
ءَآقُرْرُؤْمُ	ءَآقُرْرُؤْمُ	ءَآقُرْرُؤْمُ
جَآءَ آحَدٌ	جَآءَ اَحَدٌ	جَآءَ اَحَدٌ
ءَآلِدٌ	ءَآلِدٌ	ءَآلِدٌ
ءَآمِنْتُمْ مِّنْ	ءَآمِنْتُمْ مِّنْ	ءَآمِنْتُمْ مِّنْ
مِّنَ النَّسَآءِ ءِآلَآءٌ	مِّنَ النَّسَآءِ الْآءُ	مِّنَ النَّسَآءِ يَآلَآءٌ
فِي السَّمَآءِ ءِآلَآءٌ	فِي السَّمَآءِ الْآءُ	فِي السَّمَآءِ يَآلَآءٌ
أَوْلِيَآءُ ءِآلَآئِكَ	أَوْلِيَآءُ اَوْلَآئِكَ	أَوْلِيَآءُ وُلَآئِكَ

5.3.4 Tashi:l Secara Pertengahan

Ditashi:lkan hamzaṭ yang kedua di antara huruf hamzaṭ dan barisnya berdasarkan tiga keadaan :

- i) Apabila hamzaṭ yang pertama berbaris di atas (fatḥat) dan yang keduanya berbaris hadapan (Īammat), maka dibaca antara hamzaṭ dan wa:w.

Contohnya :

أَنْزَلَ ...	Ditulis	أَنْزَلَ ...
جَاءَ أُمَّةٌ	Ditulis	جَاءَ أُمَّةٌ

- ii) Apabila hamzaṭ yang pertama berbaris di atas (fatḥat) dan yang keduanya berbaris di bawah (kasrat), maka dibaca antara hamzaṭ dan ya:’.

Contohnya :

أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ	Ditulis	أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ
أَعْلَهُ أَيْنَ ...	Ditulis	أَعْلَهُ أَيْنَ ...
أَنْتَ - أُمَّةٌ ...	Ditulis	أَنْتَ - أُمَّةٌ ...

Perhatikan bahawa tanda (alamat) tashi:l tidak kelihatan pada tulisan baris.

Apabila berturutan tiga hamzat, maka dibaca jelas (tahqi:q) yang pertama, ditashi:lkan hamza: kedua (bayn-bayn) dan ditukarkan hamza: ketiga kepada mad (panjang).

Contohnya :

ءَاأَمَنْتُمْ	Ditulis dan dibaca	ءَا أَمَنْتُمْ
ءَاأَلْهِنَّا	Ditulis dan dibaca	ءَا أَلْهِنَّا
جَاءَ ءَالَ	Ditulis dan dibaca	جَاءَ آلَ

5.4 Kesimpulan

Kita dapati fenomena tashi:l hamzaṭ atau menggugurkannya adalah antara fenomena fonetik yang banyak berlaku dalam riwayat Warsh. Ia berpandukan kepada peraturan dan disiplin fonologi dan fonetik yang tetap dan mendalam berdasarkan kepada kedudukan huruf hamzaṭ di dalam satu-satu perkataan, huruf yang sebelum dan selepasnya.

Fenomena tashi:l ini sebenarnya bertujuan melancarkan bacaan dan sebutan sesuatu perkataan terutamanya apabila berturutan dua atau tiga hamzaṭ dalam perkataan yang sama. Dengan itu percakapan akan menjadi lancar dan memudahkan penutur tanpa apa-apa kesulitan.